



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (76)

Tarikh : 9 November 2021

---

## SIARAN MEDIA

---

### MAJLIS PENGANUGERAHAN PANGKAT KEHORMAT JBPM KEPADA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

---

**PUTRAJAYA, 9 November 2021** – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini dianugerahkan pangkat Timbalan Kanan Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Majlis penganugerahan pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya.

Dalam majlis tersebut, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican turut merakamkan penghargaan kepada 12,987 orang anggota bomba yang berkhidmat di 324 Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh negara dan juga Pasukan Khas atau *Elite* di JBPM yang berjumlah seramai 4,069 orang. Ini tidak termasuk 1,900 orang Pasukan Bomba Bantuan dan 14,000 orang Pasukan Bomba Sukarela. Mereka ini menurut beliau merupakan wira Negara dan *frontliner* dalam kesiapsiagaan bencana dan kecemasan.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien kepada rakyat, YB Menteri memberi komitmen penuh untuk memastikan segala keperluan, kemudahan dan kebajikan anggota pasukan bomba dan penyelamat sentiasa terjamin.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican memulakan tugas sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 September 2021 setelah menerima surat

cara lantikan dalam Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong XVI.

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*